



UTAMA

AGS 2010 IKTIRAF KECEMERLANGAN & HARGAI SUMBANGAN SISWA UniMAP



Oleh: Pn. Sayang Nurshahrizleen Ramlan

Majlis Anugerah Gemilang Siswa (AGS) 2010 yang berlangsung pada 12 April 2011 lalu merupakan anjuran kali ketujuh pada tahun ini. Majlis ini merupakan acara tahunan universiti bagi mengiktiraf kecemerlangan serta menghargai segala sumbang bakti dan keringat yang telah diberikan oleh mahasiswa kepada universiti.

Seramai 145 orang penerima anugerah telah memenangi anugerah dalam pelbagai kategori. 133 orang daripada keseluruhan penerima anugerah adalah tediri daripada mahasiswa UniMAP manakala 12 orang penerima terpilih pula terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Perlis yang paling cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM. Mahasiswa UniMAP kini telah membuktikan bahawa mereka mampu mewakili UniMAP dan menyertai program-program yang telah dianjurkan di luar universiti di peringkat IPT, nasional dan bertaraf antarabangsa. Ini telah membuktikan bahawa UniMAP telah berjaya melatih barisan mahasiswa yang berketrampilan dalam pelbagai aspek.

Dengan pencapaian akademik dan sahsiah yang cemerlang dan seimbang, Saudara Muhamad Nur Misbah telah dinobatkan sebagai Tokoh Siswa Terbilang dalam AGS 2010 kali ini. Beliau yang merupakan pelajar tahun 3 program ijazah kejuruteraan bahan juga adalah mantan Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP Sesi 2009/2010.


Majlis yang dirasmikan oleh Naib Canselor, Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, dalam ucapannya turut menekankan pemilihan seseorang pelajar adalah berdasarkan keaktifan mereka dalam aktiviti dan sumbangan dalam bidang akademik dan inovasi universiti.

Majlis yang dirasmikan oleh Naib Canselor, Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, dalam ucapannya turut menekankan pemilihan seseorang pelajar adalah berdasarkan keaktifan mereka dalam aktiviti dan sumbangan dalam bidang akademik dan inovasi universiti. "Pelajar Institusi Pengajian Tinggi harus bergerak dengan lebih aktif bukan hanya dalam ruang likup akademik sahaja tetapi perlu meliputi aspek sosial dan juga sahsiah", katanya.

Tambah Dato' Kamarudin lagi, "Anugerah yang diberikan ini merupakan tanda penghargaan terhadap penglibatan pelajar UniMAP di dalam aktiviti di peringkat dalaman universiti, luaran serta diperingkat kebangsaan dan antarabangsa dalam mengharumkan nama UniMAP". "Penganugerahan ini bukanlah bererti sebagai satu tanda penamat tetapi ianya perlu dilihat sebagai satu permulaan kepada satu usaha yang berterusan untuk lebih melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di UniMAP".

Beliau turut berharap agar sumbangan dan pengorbanan pelajar yang terlibat adalah sejahtera dengan usaha universiti untuk melahirkan warga universiti yang cemerlang, berilmu, dan berdaya saing di persada antarabangsa.

Antara anugerah lain yang turut diberikan adalah; Anugerah Tokoh Siswa Terbilang, Anugerah Kecemerlangan Sukan, Kecemerlangan Seni & Budaya, Kecemerlangan Akademik, Anugerah Khas Kecemerlangan Keusahawanan, Versatile, Debat, Keusahawanan, Inovasi, Kelab Persatuan, KO-K Berkredit, Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK), Anugerah Khas Pengurusan Program Pelajar dan Anugerah Khas Penghargaan & Pengiktirafan Kecemerlangan Akademik Pelajar Sekolah-sekolah Perlis. Majlis penyampaian anugerah pada malam itu turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan daripada pelajar dan staf UniMAP.

ANUGERAH GEMILANG SISWA
2010